

Singapura boleh henti beli air Malaysia

11 JUN 2000

MALAYSIA tidak membantah, malah lebih selesa jika Singapura tidak mahu lagi membeli air mentah dari Johor, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, Perdana Menteri berkata, Malaysia juga sedia menjual air pada harga baru RM8 bagi setiap 1,000 gelen berbanding cuma tiga sen sekarang, jika republik itu sanggup membayar seperti kadar dikenakan ke atas Hong Kong oleh Tanah Besar China.

"Ohhh, itu adalah baik... kita tidak membantah jika Singapura tidak mahu membeli air kerana kita memerlukan air untuk diri kita. Secara jujur saya nyatakan, akan tiba masanya apabila Johor kekurangan air.

"Kita perlukan air untuk diri kita (Malaysia)," katanya menjawab soalan seorang wartawan dari Singapura bahawa republik itu boleh mencari sendiri sumber bekalan air men-

tan tanpa perlu bergantung kepada Malaysia.

Dalam sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno pada hari kedua di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) petang semalam, Dr Mahathir berkata bukan sesuatu yang sukar bagi Malaysia jika Singapura mengambil keputusan itu.

"Tak ada masalah... kita akan ambil alih semua loji rawatan air (milik Singapura di Johor) dan bayar pampasan," katanya.

Katanya, beliau diberitahu bahawa Hong Kong membeli air mentah dari Tanah Besar China pada kadar RM8 untuk setiap 1,000 gelen. Kos operasi untuk merawat setiap 1,000 gelen air ialah kira-kira RM1.20.

Semalam, Perdana Menteri berkata penetapan harga air yang menjadi antara isu utama tertangguh antara Malaysia dan Singapura dijangka diselesaikan dalam rundingan dua

hala antara kedua-dua negara awal bulan depan.

Rundingan peringkat pegawai kedua-dua negara diadakan di sini pada 1 dan 2 Julai ini.

Selain isu air, mesyuarat akan membincangkan mengenai isu pengeluaran caruman Kumpulan Simpanan Wang Pusat (CPF) rakyat Malaysia, tanah milik Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh pesawat Singapura.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia berharap Singapura akan bersikap terbuka berhubung isu bekalan air dalam mencapai kata sepakat dalam soal berkenaan.

"Malaysia tidak mahu terus dihambat dan dihantui oleh masalah air. Kalau Singapura mempunyai sikap terbuka dan hendak mencapai satu kata sepakat, kita boleh menggerakkan perhubungan kita dengan

memandang ke hadapan dan tidak menoleh ke belakang," katanya kepada pemberita pada Perhimpunan Agung Umno 2002 di PWTC.

Syed Hamid bagaimanapun yakin kedua-dua pihak akan mencapai kata sepakat mengenai formula harga bekalan air ke republik itu pada pertemuan Menteri Luar kedua-dua negara di sini pada 1 dan 2 Julai ini.

"Saya fikir sekiranya kita boleh mencapai kata sepakat mengenai air, perkara lain akan menyusul... tiada masalah... air adalah isu utama dan asas," katanya.

Syed Hamid berkata beliau akan memaklumkan kepada rakan sejawatannya dari Singapura pada pertemuan itu mengenai kenapa dan bagaimana Malaysia merumuskan formula itu.

"Kita lihat bagaimana kita boleh lakukan sesuatu yang dapat dipersetujui kedua-dua

belah pihak... kedua-dua belah pihak boleh bersama-sama membincangkan butirannya," katanya.

Beliau berkata republik itu akan diberi jaminan bahawa apa jua harga yang ditawarkan oleh Malaysia adalah berdasarkan pasaran.

"Kita telah merumuskan kos alternatif mengenai apakah jenis air yang akan dibekalkan ke negara lain, berapa kosnya... sekarang kita mahu menyemak semula harga yang sepatutnya telah kita lakukan pada 1997," katanya.

Singapura buat masa ini membeli bekalan air mentah yang dibekalkan oleh Johor pada kadar harga 3 sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter).

Republik itu pernah mencadangkan harga air mentah yang dibeli dari Johor dinaikkan kepada 45 sen bagi setiap 1,000 gelen, tetapi tidak dipersetujui Dr Mahathir.